

PENYATUAN SEMULA JERMAN, 1945-1990

MUHD MINSYA BIN BAHARUDIN

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat-Syarat Bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial
Dengan Kepujian**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
SESI 2008/2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

183357

14000017097



FUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: PENYATUAN SEMULA JERMAN, 1945 - 1990IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIALSAYA MUHD MANSYARIN BAHARUDIN
(HURUF BESAR)SESI PENGAJIAN: 2009

*mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

Muhammad Mansyarin Baharudin

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

EN. WAN SHAHALUDDIN

Nama Penyelia

Tarikh: 10 Jun 2009Tarikh: 10 Jun 2009

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana

PERPUSTAKAAN UMS



1400017097

DITERIMA

10 JUN 2009

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Latihan Ilmiah ini bertajuk "Penyatuan Semula Jerman, 1945-1990", yang telah disediakan oleh Muhd Minsya Bin Baharudin bagi memenuhi syarat mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,

.....

(Encik Wan Shawaluddin Wan Hassan)
Penyelia Latihan Ilmiah,
Sekolah Sains Sosial

Tarikh:



PENGAKUAN PELAJAR

Latihan Ilmiah/Tesis yang bertajuk "Penyatuan Semula Jerman, 1945-1990" ini adalah hasil kerja saya sendiri dengan segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya...."

MUHD MINSYA BIN BAHARUDIN

HA2006-1620

11 MEI 2009



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, maka dapatlah penulis menyiapkan penulisan tesis ini. Penulisan ini merupakan syarat untuk memperoleh ijazah sarjana muda daripada Universiti Malaysia Sabah. Tesis ini tidak mungkin terhasil tanpa dorongan, bantuan, kerjasama dan berkat doa dari beberapa individu. Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan istimewa kepada ibu tersayang, Puan Rohaini binti Shaik Jamaludin yang telah bersusah payah mengerah keringat untuk memberikan kami sekeluarga pendidikan serta kehidupan yang sempurna.

Begitu juga buat Allahyarham Baharudin bin A. Razak yang merupakan bapa kepada penulis yang kini telah kembali ke rahmatullah. Impian serta nasihatnya tidak akan penulis lupakan. Penghargaan juga ditujukan kepada Encik Wan Syawaluddin Wan Hassan selaku pembimbing dan penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar serta kritikan membina dalam menyempurnakan tesis ini. Semoga kesihatannya makin pulih dari hari ke hari.

Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah Program Sejarah seperti Profesor. Dr. Sabihah Osman, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, En. Baszley Bee Basrah Bee, En. Mohamad Shaukhi Mohd Radzi, En. Mohd Saffie Abd. Rahim, En. Bilcher Bala dan En. Mosli Tarsat yang telah mendidik penulis sepanjang tiga tahun pengajian. Terima kasih tidak terhingga di atas sumbangan ilmu sehingga penulis dapat menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah.

Akhir sekali, penulis juga ingin merakamkan sebanyak-sebanyak terima kasih kepada adik-beradik penulis - Fateehah, Daniel dan Afina serta rakan-rakan seperjuangan terutamanya Bustami, Amirudin, Helmi, Zenno, Clement dan Jesinja atas kesabaran, dorongan serta bantuan kepada penulis sepanjang tiga tahun pengajian di Universiti Malaysia Sabah.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

PENYATUAN SEMULA JERMAN, 1945-1990

Objektif utama tesis ini ditulis ialah untuk membincangkan perjalanan proses penyatuan semula Jerman dari tahun 1945 sehinggalah tahun 1990. Proses penyatuan Jerman ini telah berlaku sebanyak tiga kali. Penyatuan yang pertama berlaku selepas tercetusnya era Revolusi Perancis. Penyatuan ini dipimpin oleh Otto Eduard Leopold von Bismarck, iaitu seorang putera raja dari empayar Prusia. Beliau merupakan tokoh yang bertanggungjawab mengetengahkan idea penyatuan ini. Penyatuan kedua pula berlaku di era Adolf Hitler. Hitler telah menghalalkan apa jua cara bagi merealisasikan impian untuk melihat sebuah negara dengan entiti bangsa Jerman. Dasar-dasarnya yang agresif dan radikal seperti *Lebensraum*, *Anschluss* dan penghapusan bangsa Yahudi di Eropah akhirnya telah membawa kesengsaraan kepada rakyat Jerman. Kekalahan Jerman pada Perang Dunia Kedua membuka episod duka dalam sejarah bangsa Jerman. Wilayah-wilayah Jerman telah dibahagikan kepada pihak Berikat dan ditadbir mengikut zon-zon pendudukan yang telah ditetapkan. Keadaan ini bertambah parah pada era Perang Dingin yang berlaku antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Tembok Berlin telah dibina sepanjang bandaraya Berlin bagi mengelakkan berlakunya interaksi antara Jerman Barat dan Jerman Timur. Kedua-dua penyatuan yang terdahulu merupakan pemangkin dan pendorong kepada tercetusnya gerakan bagi menyatukan semula wilayah-wilayah Jerman. Penyatuan kali ketiga ini berjaya direalisasikan hasil dari kecekalan dan ketabahan para pemimpin serta rakyat Jerman di kedua-dua wilayah. Setiap dasar dan polisi negara dilaksanakan secara berhati-hati dan penuh toleransi. Pihak Berikat yang terdiri daripada Perancis, Britain dan Amerika Syarikat serta Kesatuan Soviet turut memainkan peranan penting dalam penyatuan semula Jerman. Tanpa persetujuan serta sokongan dari kuasa-kuasa ini, penyatuan ini mungkin tidak dapat dicapai dan proses penyatuan akan mengambil masa yang lebih lama.



ABSTRACT**THE REUNIFICATION OF GERMANY, 1945-1990**

The main objective this thesis is written to discuss about the Germany reunification process from 1945 until 1990. The unification process had occurred three times. First unification happened after the outbreak of French Revolution. The first unification led by Otto Eduard von Bismarck, a prince from Prussian Empire. He was the person who was responsible to come up with the idea of a unified German's provinces. The second unification was done by Adolf Hitler. He allowed all kinds of method to make his dream became reality. At the end, his aggressive and radical policies such as Lebensraum, Anschluss and Jews termination programs in Europe, brought agony to Germans. German's defeat in World War 2, started a sad episode in Germans' history. The Alliances had divided German's provinces into certain occupational zones. The Alliances administered according to their given sector. This situation became worsen in the era of Cold War between United States and the Soviet. Berlin Wall had been built across Berlin to prevent any interactions between East and West Germany. Both previous unification processes became an inspiration to Germans. It was an encouragement and catalyst for establishing movement towards reunification. The third unification process had been successful because of their courageous leaders and peoples. Every policy was implemented with extra tolerance and carefulness. The Alliances also played an important role in German reunification process. Without their approval and support, the unification process would take more time and might not be completed.



SENARAI SINGKATAN

BENELUX	Belgium, Netherlands & Luxembourg (pertubuhan gabungan ekonomi)
CDU	<i>Christian Democratic Union</i>
COMECON	<i>Council of Mutual Economic Assistance</i>
DM	<i>DeutscheMark</i>
EC	<i>European Community</i>
EEC	<i>European Economic Community</i>
ECSC	<i>The European Coal & Steel Community</i>
EU	<i>European Union</i>
FRG	<i>Federal Republic of Germany</i>
GDR	<i>German Democratic Republic</i>
NATO	<i>North Atlantic Treaty Organization</i>
NAZI	<i>Nationalsozialistische Deutsche Arbeiterpartei</i> (Parti Buruh Sosialis Nasionalis Jerman)
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
SED	<i>Socialist Unity Party</i>
SPD	<i>Social Democratic Party of Germany</i>
USA	United States of America
USSR	Union of Soviet Socialist Republics



KANDUNGAN

Pengesahan Penyelia	i
Pengakuan Pelajar	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Singkatan	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Glosari	x
 Bab 1 : PENDAHULUAN	 1
 Bab 2 : KEBANGKITAN JERMAN SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA	 12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kemunculan Gerakan Awal Pembentukan Entiti Jerman	13
2.2.1 Jerman dan Perang Dunia Pertama	24
2.3 Kemunculan Adolf Hitler	25
2.3.1 Ideologi dan <i>Welstanchhuung</i> Hitler	28
2.3.2 Dasar <i>Lebensraum</i> dan <i>Anschluss</i>	33
2.4 Kekalahan Jerman	36
 Bab 3 : PROSES PENYATUAN SEMULA JERMAN	 40
3.1 Pengenalan	40
3.2 Persidangan Yang Memisahkan Jerman	42
3.3 Dua Jerman Yang Berbeza	48
3.4 Proses Ke Arah Penyatuan Semula	56
3.4.1 Konrad Adenauer	59

3.4.2	Willy Brandt	62
3.4.3	Helmut Kohl	65

Bab 4 : FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN PENYATUAN SEMULA JERMAN 69

4.1	Pengenalan	69
4.2	Dasar Bijaksana Pemimpin Jerman	69
4.2.1	<i>Basic Law</i>	70
4.2.2	<i>Ostpolitik</i>	72
4.2.3	Sepuluh Asas Pelan Penyatuan	78
4.3	Peranan Gorbachev	84
4.4	Kerjasama ' <i>The Victors</i> ' – Persefahaman Dua + Empat	88
4.5	Perjanjian Penyatuan	92

Bab 5 : KESIMPULAN 95

RUJUKAN 100

LAMPIRAN 105



SENARAI RAJAH**PENERANGAN****MUKASURAT**

Rajah 2.1 :	Gambar arkitek kepada penyatuan Jerman, Otto Eduard von Bismarck.	18
Rajah 3.1 :	Gambar ' <i>The Big Three</i> ' iaitu Winston Churchill, Franklin Roosevelt dan Joseph Stalin di Persidangan Yalta, Crimea.	43
Rajah 3.2 :	Rajah zon wilayah Jerman yang telah dibahagikan oleh pihak Berikat.	45
Rajah 3.3 :	Rajah wilayah Jerman Barat dan Jerman Timur.	53

GLOSARI

<i>Anschluss</i>	Dasar penggabungan wilayah yang dilaksanakan oleh Hitler terhadap Austria.
<i>Axis</i>	Sebuah pakatan ketenteraan antara Jerman, Jepun dan Itali semasa Perang Dunia Kedua.
<i>Basic Law</i>	Perlembagaan asas bagi negara Jerman.
Berikat	Sebuah pakatan ketenteraan antara Perancis, Amerika Syarikat, Soviet dan Britain semasa Perang Dunia Kedua.
<i>Blitzkrieg</i>	Strategi peperangan yang digunakan tentera Jerman yang bermaksud Perang Kilat.
<i>Bundesbank</i>	Bank Pusat bagi Negara Jerman.
<i>Bundestag</i>	Parlimen Jerman.
<i>Bundeswehr</i>	Istilah bagi tentera Jerman Barat.
Canselor	Istilah jawatan politik yang paling penting dan digunakan di sesetengah negara di Eropah. Jawatan ini mempunyai kedudukan yang sama dengan Perdana Menteri atau Presiden.
<i>Détente</i>	Polisi yang digunakan untuk mengurangkan ketegangan antara negara-negara Timur dan Barat Eropah khususnya hubungan Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet.
<i>Exodus</i>	Pemergian atau penghijrahan beramai-ramai.
<i>Genocide</i>	Istilah yang digunakan untuk jenayah memusnahkan segolongan manusia kerana berlainan etnik, negara, bangsa, atau identiti agama.
<i>Glasnost</i>	Dasar keterbukaan politik yang dilaksanakan oleh Kesatuan Soviet di bawah pentadbiran Gorbachev.
<i>Holocaust</i>	Istilah yang digunakan bagi pembersihan bangsa Yahudi di Eropah ketika Perang Dunia Kedua.
<i>Iron Curtain</i>	Negara-negara di Eropah Timur yang berada di bawah pengaruh Soviet.



<i>Junker</i>	Istilah bagi tuan tanah Prussia.
<i>Kleindeutsch</i>	Istilah persekutuan negeri-negeri Jerman yang digunakan di zaman Otto von Bismarck.
<i>Lebensraum</i>	Dasar yang dilaksanakan oleh Hitler untuk perluasan wilayah bagi bangsa Jerman.
<i>Nationale Volksarmee</i>	Istilah bagi tentera Jerman Timur.
<i>Ostpolitik</i>	Dasar integrasi dengan negara-negara Eropah Timur semasa pentadbiran Willy Brandt di Jerman Barat.
<i>Ostvertrage</i>	Perjanjian-perjanjian antara Jerman Barat dengan negara-negara Eropah Timur.
<i>Perestroika</i>	Dasar penstrukturan semula ekonomi yang dilaksanakan oleh Kesatuan Soviet di bawah pentadbiran Gorbachev.
<i>Sturmabteilungen</i>	Pasukan paramilitary Parti NAZI.
<i>The Victors</i>	Pihak yang menang dalam Perang Dunia Kedua iaitu Perancis, Britain, Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet.
<i>Third Reich</i>	Istilah kerajaan Jerman semasa era Adolf Hitler.
<i>Welstanchhuung</i>	Pandangan sesebuah bangsa terhadap dunia sekeliling.
<i>Weltpolitik</i>	Dasar Jerman yang dilaksanakan untuk mencapai status kuasa dominan dunia.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kegagalan Revolusi 1848 di Eropah telah menyaksikan kekecewaan golongan Liberal, puak Radikal dan Sosialis. Jerman tidak terkecuali turut terkesan dengan kegagalan revolusi itu, Akibatnya Jerman menghadapi proses migrasi yang serius apabila terdapat lebih daripada suku juta populasi Jerman telah berhijrah ke Amerika Syarikat pada tahun 1850-an.¹ Jerman gagal disatukan sebagai satu persekutuan negeri-negeri Jerman atau *Kleindeutsch*.

Walaupun gagal untuk membentuk *Kleindeutsch*, terdapat golongan yang masih menaruh harapan untuk menyatukan Jerman sebagai satu entiti yang besar. Tokoh tersebut adalah Otto Eduard Leopold von Bismarck atau lebih dikenali sebagai Otto von Bismarck. Dengan dasar pemerintahan yang bersifat Realpolitik, Otto Von Bismarck sanggup membiayai peperangan untuk mencapai tujuannya. Beliau telah berjaya menyatukan sebahagian wilayah-wilayah Utara Jerman yang berpecah-pecah di bawah satu konfederasi atau gagasan.² Bismarck telah menang di dalam pertempuran dengan Denmark pada 1864, Austria pada tahun 1866. Pada tahun 1870, Jerman telah mengalahkan Perancis di dalam Perang Perancis-Prusia dan telah mengambil provinsi Alsace dan Lorraine sebagai pampasan perang tersebut.

Kedamaian dan kesejahteraan di Jerman tidak dapat kekal lama kerana Perang Dunia Pertama meletus akibat peristiwa pembunuhan Putera Mahkota Austria, Franz Ferdinand, telah dibunuh oleh seorang pemuda dari etnik Serbia. Dalam Perang Dunia

¹ Qasim Ahmad, *Eropah Modern : Arus Sosiopolitik & Pemerintahan (Edisi Kedua)*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 105.

² *Negara dan Bangsa (Jilid 5) : Eropah*, Jakarta : Grolier International Inc, 1990, hlm. 207-208.



Pertama, Jerman dan Austria terpaksa menghadapi Britain, Perancis, Amerika Syarikat dan Russia. Kekalahan itu meletakkan Jerman di bawah situasi tekanan yang sangat hebat. Perjanjian Versailles pada tahun 1919 yang dikatakan sebuah perjanjian perdamaian merupakan sebuah penghinaan kepada bangsa Jerman.³ Di dalam perjanjian itu, wilayah Alsace dan Lorraine telah terpaksa dikembalikan kepada Perancis, hak-hak Jerman ke atas koloni-koloninya di seberang laut dicabut. Sempadan baru yang dibuat kepada Jerman telah dimasukkan wilayah-wilayah yang majoritinya penduduknya bukan dari bangsa Jerman. Jerman juga tidak dibenarkan memiliki dan menghasilkan kelengkapan persenjataan ketenteraan. Angkatan tentera Jerman juga terpaksa dikurangkan kepada 100,000 orang tentera sahaja.⁴ Jerman juga dipaksa membayar wang pampasan perang kepada 'The Victors' iaitu negara-negara yang menang dalam Perang Dunia Pertama.

Bebanan tekanan ini telah hampir melumpuhkan negara Jerman. Kenaikan Inflasi, kemiskinan, kebuluran dan pengangguran merupakan impak yang terpaksa dilalui oleh Jerman. Namun, ditengah-tengah pergelutan ekonomi Jerman, muncul seorang pemimpin yang cuba untuk mengubati luka penduduk Jerman. Beliau adalah Adolf Hitler, pemimpin Parti Buruh Sosialis Nasionalis Jerman atau NAZI.⁵ Kemunculan Hitler mengembalikan semangat dan harapan penduduk Jerman untuk memiliki kesejahteraan seperti di zaman sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama. Hitler dan NAZI diberi sokongan serta dorongan padu oleh rakyat Jerman. Perjanjian Versailles tidak diendahkan Jerman dan mereka terus mengejar matlamat Jerman iaitu mewujudkan sebuah wilayah yang populasinya adalah warga Jerman. Matlamat ini dicerminkan di dalam dasar yang dilaksanakan Hitler iaitu Lebensraum yang bermaksud 'tempat tinggal'.⁶

³ J. F. Aylett, *Hitler's Germany*, London : Edward Arnold (Publishers) Ltd, 1984, hlm. 6-7.

⁴ *Ibid.*

⁵ *Ibid.*, hlm. 16-21.

⁶ Robert G. L. Waite, *Hitler and Nazi Germany*, United States : Holt, Rinehart and Winston, Inc., 1969, hlm. 59-64.

Oleh kerana terlalu ghairah mengejar impian, maka Hitler telah melakukan kesilapan. Kesalahan Hitler di dalam strategi peperangan mengorbankan dirinya serta negara Jerman. Kekalahan Jerman di dalam Perang Dunia Kedua menyebabkan Jerman kehilangan beberapa wilayahnya, kelompok keturunan Jerman yang sudah berketurunan menetap di Czechoslovakia dan wilayah-wilayah lain di sekitar Eropah telah diusir keluar. Hasrat Hitler untuk menyatukan Jerman hanya tinggal janji semata-mata, malah Jerman telah dibahagikan kepada dua entiti iaitu Jerman Barat dan Jerman Timur.⁷ Jerman Barat yang dikuasai oleh Amerika Syarikat, Perancis dan Great Britain turut mendokong ideologi yang dibawa oleh ketiga-tiga negara tersebut iaitu Kapitalis dan Demokrasi.

Jerman Timur dikuasai oleh Kesatuan Soviet yang membawa ideologi Komunis. Keempat-empat negara ini telah menguasai Jerman. Ibu kota Jerman iaitu Berlin turut dibahagi kepada dua iaitu Berlin Barat dan Berlin Timur yang dipisahkan oleh tembok yang dibina oleh pihak Soviet pada Ogos 1961.⁸ Sejak itu, pelbagai cara telah dilaksanakan oleh para pemimpin Jerman untuk memulihkan kembali hubungan kedua-dua wilayah Jerman ini. Di zaman Konrad Adenauer, oleh kerana kebebasan Kerajaan Persekutuan Republik Jerman telah disekat oleh pihak Berikat maka dasar-dasar Adenauer lebih menjurus kepada pembangunan ekonomi dan jalinan hubungan supranasional dengan negara-negara Barat Eropah.⁹

Permulaan hubungan dengan wilayah Timur Eropah khususnya Jerman Timur mula bergerak secara aktif pada tahun 1970-an ketika pentadbiran Willy Brandt, Canselor Jerman Barat yang keempat. Walaupun penyatuan semula Jerman tidak berlaku di zaman Willy Brandt tetapi pengenalan kepada dasar Ostpolitik yang dilaksanakannya,¹⁰ sedikit sebanyak mula mengendurkan ketegangan antara dua pihak

⁷ Facts about Germany, Berlin : Societäts-Verlag, 2008, hlm. 3.

⁸ Peter H. Merkl, *German Foreign Policies, West & East : On the Threshold of a New European Era*, California : American Bibliographical Center-Clio Press, Inc., 1974, hlm. 19.

⁹ Facts about Germany..., hlm. 4.

¹⁰ Peter H. Merkl, *German Foreign Policies, West & East : On the Threshold of a New European Era*, California : American Bibliographical Center-Clio Press, Inc., 1974, hlm. 155.



Timur dan Barat terutamanya hubungan antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Perjuangan Willy Brandt ini diteruskan oleh pemimpin-pemimpin Jerman yang seterusnya sehinggalah Tembok Berlin yang menjadi simbol kesengsaraan Jerman telah diruntuhkan dan disatukan semula kedua wilayah Jerman ini secara beransur-ansur sehingga tahun 1990.

1.2 Permasalahan Kajian

Persoalan permasalahan yang timbul berhubung dengan Penyatuan Semula Jerman ialah bagaimana proses penyatuan semula kedua-dua wilayah Jerman itu berlaku?. Jerman selepas Perang Dunia Kedua menghadapi kesukaran untuk membentuk negara yang bersatu dari aspek entiti bangsa Jerman. Ini kerana wilayah-wilayah Jerman ini telah dipecah-pecahkan oleh pihak Berikat atau 'The Victors'. Jerman telah dipecahkan kepada empat buah sektor Zon Pendudukan dan bandaraya Berlin turut mengalami nasib yang sama, ia turut dibahagikan kepada empat sektor kuasa.

Persoalan kedua ialah mengapa proses penyatuan semula Jerman tidak berlaku secara drastik?. Pelbagai kekangan telah berlaku sepanjang 45 tahun perpecahan wilayah Jerman. Antara kekangan yang dihadapi dalam proses penyatuan ini ialah perpindahan ibu negara Jerman Barat dari Berlin ke Bonn manakala ibu negara Jerman Timur kekal di Berlin. Kekangan yang kedua ialah kuasa untuk mentadbir Jerman terletak di tangan Pihak Berikat. Walaupun pihak yang mentadbir adalah dari kalangan warganegara Jerman sendiri tetapi keputusan bagi kelulusan sesebuah perancangan dan perjanjian samada di dalam negara atau luar negara masih di kawal oleh pihak Berikat.

Persoalan yang ketiga ialah bagaimana situasi antarabangsa mempengaruhi perjalanan proses penyatuan semula Jerman? dan bagaimana kekangan-kekangan itu dapat diatasi untuk merealisasikan hasrat menyatukan semula wilayah Jerman?. Perang Dingin yang berlaku diantara dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet menjadi faktor utama dalam membincangkan persoalan ini. Persengketaan kedua-dua kuasa ini mempengaruhi pasang surut interaksi antara kedua-dua wilayah Jerman Barat dan Timur. Kemuncak kepada persengketaan ini ialah pembinaan Tembok



Berlin merentasi sepanjang bandaraya Berlin. Pembinaan tembok ini telah merumitkan lagi prosedur bagi membawa penyatuan kepada dua wilayah Jerman.

1.3 Objektif Kajian

Pengkajian terhadap Penyatuan Semula Jerman telah menggariskan beberapa objektif dan tujuannya. Antaranya ialah:-

- I. Menjelaskan latar belakang negara Jerman dan entiti bangsa Jerman.
- II. Membincangkan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi merealisasikan penyatuan semula Jerman.
- III. Menghuraikan faktor-faktor yang menjadi pemangkin kepada kejayaan proses penyatuan semula kedua-dua wilayah Jerman.

1.4 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian adalah berkisar mengenai negara Jerman pasca Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 sehingga kepada penyatuan semula negara Jerman Barat dan Jerman Timur pada tahun 1990-an. Kemuncak kepada kajian mengenai Penyatuan semula Jerman adalah apabila Tembok Berlin, yang dibina oleh Soviet untuk memisahkan bandaraya Berlin, ibukota kedua-dua Jerman Barat dan Timur telah diruntuhkan dan termetrainya Perjanjian Penyatuan pada tahun 1990. Penekanan kepada sejarah Jerman selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua kerana tempoh 45 tahun itu merupakan perjalanan proses bagi penyatuan yang ketiga bagi Jerman.

Namun begitu, sejarah pembentukan entiti Jerman akan turut diambil sebagai pengukuh alasan diletakkan pernyataan 'penyatuan semula' negara Jerman. Ini kerana rentetan perjuangan untuk membentuk sebuah negara bangsa khusus bagi bangsa Jerman telah bermula sejak zaman pemerintahan Otto von Bismarck lagi. Adolf Hitler kemudiannya menyambung usaha ini dengan cara yang lebih radikal kerana bencinya kepada bangsa Yahudi dan juga Perjanjian Versailles yang membawa kesengsaraan kepada bangsa Jerman.



1.5 Kepentingan Kajian

Penulisan tentang sejarah pembentukan negara Jerman amat kurang diketengahkan oleh para pengkaji dan penulis di negara kita sebelum ini. Kebanyakan buku yang ditulis mengenai sejarah Jerman ialah berkaitan Jerman dan penglibatan dalam kedua-dua Perang Dunia. Sememangnya penulisan mengenainya Penyatuan semula kedua-dua wilayah Jerman yang terpisah selepas Perang Dunia Kedua agak kurang dan tidak dilakukan secara terperinci. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat dijadikan tatapan generasi akan datang untuk mendalami proses-proses serta kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Jerman khasnya penduduk di Berlin dalam usaha mereka menyatukan semula wilayah-wilayah Jerman. Justeru, beberapa kepentingan kajian telah digariskan di bawah ini :-

- I. Untuk menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan dan petunjuk pengetahuan kepada individu atau kumpulan yang berkepentingan terhadap maklumat dan fakta yang diperolehi dalam kajian ini.
- II. Menambahkan koleksi bahan bacaan yang berunsurkan sejarah politik benua Eropah dalam bahasa Melayu di gedung-gedung ilmu di Malaysia, terutamanya di Universiti Malaysia Sabah.
- III. Menyingkap perjuangan tokoh-tokoh politik Jerman pasca Perang Dunia Kedua yang berjuang ke arah menyatukan semula Jerman Barat dan Jerman Timur yang telah terpisah selama hampir 40 tahun.
- IV. Kajian terhadap proses penyatuan wilayah Jerman ini juga dapat dijadikan sebagai batu loncatan bagi individu yang ingin memahami peristiwa lain yang mempunyai situasi yang hampir sama seperti perpecahan Vietnam Utara dan Selatan serta persengketaan Korea Utara dan Korea Selatan yang masih berlarutan hingga ke hari ini.

1.6 Metod Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam menyiapkan penulisan Sejarah Unifikasi Semula Jerman ini ialah menggunakan disiplin sejarah sebagai asas penyelidikan. Justeru, untuk



menghasilkan penulisan ini, sumber sekunder digunakan untuk kajian. Sumber-sumber sekunder ini merujuk kepada sumber seperti buku-buku ilmiah, artikel, jurnal, kertas kerja dan rujukan elektronik (laman web) yang boleh diperolehi dan dirujuk seperti Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, pusat Sumber Sekolah Sains Sosial, Perpustakaan Yayasan Sabah, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Kedutaan Jerman Ke Malaysia dan Perpustakaan Persatuan Jerman – Malaysia negeri Pulau Pinang.

1.7 Sorotan Literatur

Penulisan mengenai sejarah Jerman seperti yang dihasilkan oleh Qasim Ahmad di dalam bukunya *Eropah Moden : Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan*¹¹ memfokuskan tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku di zaman Otto von Bismarck dan Hitler. Buku ini juga memberi penekanan kepada dasar-dasar Hitler, perjalanan strategi militari bagi merealisasikan dasar *Lebensraum* yang merupakan matlamat utama Hitler. Perihal Unifikasi Semula Negara Jerman tidak dinyatakan kerana perbincangan buku ini hanya setakat pembahagian Jerman kepada dua wilayah berasingan pada era awal pasca Perang Dunia Kedua.

Begitu juga dengan huraian Martin McCauley, di dalam karyanya, *Gorbachev*¹², hanya menyentuh perihal Unifikasi semula Jerman dari perspektif Gorbachev, iaitu Presiden Soviet Russia ketika itu. Maklumat mengenai gerakan '*Germany Reunification*' hanyalah bersifat umum dan tidak terperinci. Walau bagaimanapun, melalui buku ini, umum dapat mengetahui bahawa Gorbachev turut menyumbang ke arah penyatuan Jerman. Gorbachev yang mewakili Kesatuan Soviet merupakan kunci kepada penyatuan semula Jerman Barat dan Timur. Dasar *Perestroika* dan *Glasnost* yang dilaksanakan oleh Gorbachev telah menjadi pemangkin kepada proses penyatuan wilayah Jerman.

¹¹ Qasim Ahmad, *Eropah Moden : Arus Sosiopolitik & Pemerintahan (Edisi Kedua)*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 105.

¹² Martin McCauley, *Gorbachev*, London : Longman Singapore (Pte.) Ltd., 1998.

Marco Overhaus pula, di dalam artikel jurnalnya *German Foreign Policy & the Shadow of the Past*¹³ mencatatkan aspek polisi luar negara Jerman sepanjang proses menuju penyatuan semula wilayah dan penglibatan Jerman di dalam pertubuhan persekutuan negara-negara Barat seperti NATO.

Artikel jurnal *Unified Germany's Security Policy : Some Lessons For Korea*¹⁴ yang dihasilkan oleh Bernhard Seliger seperti juga Marco Overhaus, hanya membincangkan perihal penyatuan semula Jerman dari satu perspektif yang tidak menyeluruh. Artikel ini berkisar tentang aspek militari kedua-dua wilayah Jerman iaitu *Bundeswehr* (Tentera Jerman Barat) dan *Nationale Volksarmee* (Tentera Jerman Timur). Kupasan artikel ini mengenai dasar ketenteraan dua wilayah sebelum dan pasca penyatuan wilayah Jerman.

Buku yang dihasilkan oleh William Carr yang bertajuk *The Origin of the Wars of German Unification*¹⁵ pula tidak membincangkan isu penyatuan Jerman secara menyeluruh. Skop kajian lebih menjurus kepada impak Revolusi Perancis ke atas Jerman sehingga peperangan pada tahun 1870-an. Jangkamasa kajian juga memberi penekanan kepada isu penyatuan Jerman yang pertama iaitu ketika era Otto von Bismarck.

Buku seterusnya yang menjadi sumber sorotan literatur juga adalah buku hasil kajian Karl W. Deutsch dan Lewis J. Edinger yang bertajuk *Germany Rejoins the Power : Mass Opinion, Interest Groups, and Elites in Contemporary German Foreign Policy*.¹⁶ Dalam penulisan buku ini, kedua-dua penulis membincangkan tentang polisi luar Jerman serta perkara-perkara yang turut mempengaruhi pembentukan polisi luar Jerman seperti bantuan ekonomi Amerika, hubungan dengan Kesatuan Soviet. Kajian mereka juga

¹³ Marco Overhaus, "German Foreign Policy & the Shadow of the Past" (versi digital), SAIS Review, **Vol. XXV** no.2. 2005.

¹⁴ Bernhard Seliger, "Unified Germany's Security Policy : Some Lessons For Korea" (versi digital), The Korean Journal of Defense Analysis, **Vol.XV**, No. 1. 2003.

¹⁵ William Carr, *The Origins of The Wars of German Unification*. London : Longman Singapore (Pte.) Ltd., 1991.

¹⁶ Karl W. Deutsch (et al.), *Germany Rejoins the Power : Mass Opinion, Interest Groups, and Elites in Contemporary German Foreign Policy*, New York : Octagons Books, 1973.



memberi penekanan kepada penglibatan Jerman dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti NATO (*North Atlantic Treaty Organization*), ECSC (*The European Coal and Steel Community*), serta perjanjian bayaran pampasan kepada pihak Yahudi yang membentuk negara Israel di Asia Barat.

Buku tulisan Michael Freund yang di terjemahkan oleh R. W. Last yang bertajuk *From Cold War to Ostpolitik : Germany And The New Europe*¹⁷ turut dijadikan satu rujukan dalam kajian ini. Buku ini berkisar tentang perjuangan Jerman dalam membangunkan ekonominya seperti pengenalan matawang baru serta penstrukturan semula ekonomi melalui dasar pembaharuan Konrad Adenauer. Penulis juga mengetengahkan polisi Ostpolitik yang dilaksanakan Willy Brandt bagi memantapkan hubungan Jerman Barat dengan negara-negara di sebelah Timur terutamanya Jerman Timur sehingga termetrainya perjanjian persempadanan *Oder-Neisse Line* yang membentuk sempadan Jerman Timur dengan Poland.

1.8 Struktur Tesis

Secara amnya, kajian ini akan dibahagikan kepada lima bahagian (bab). Dalam bab yang pertama merupakan pendahuluan mengenai struktur kajian ini. Perkara ini perlu ditinjau terlebih dahulu agar penulis dapat memahami kajian yang bakal akan dibuat dan bagaimana cara penulis akan membuat kajiannya. Skop kajian bagi penulisan ini mencakupi jangkamasa 45 tahun bermula dari tahun 1945 hingga tahun 1990.

Dalam bab yang kedua, penulis akan membincangkan tentang asal usul serta kemunculan awal bagi usaha pembentukan entiti Jerman. Penekanan akan diberikan kepada dua individu yang mempunyai peranan penting dalam mewujudkan sebuah entiti Jerman ini. Individu itu ialah Otto von Bismarck dan Adolf Hitler. Walaupun kedua-dua pemimpin Jerman ini hidup di dalam era yang berbeza tetapi tujuan serta matlamat mereka adalah sama. Namun, apa yang membezakan antara kedua-dua individu ini ialah cara bagaimana mereka cuba untuk merealisasikan pembentukan entiti Jerman itu.

¹⁷ Michael Freund, *From Cold War to Ostpolitik : Germany And The New Europe*, London : Oswald Wolff (Publishers) Ltd., 1972.



Bab ini juga akan membincangkan tentang ideologi dan Welstandhuung Adolf Hitler. Aspek pemikiran Hitler ini mempengaruhi perjalanan hidupnya dan juga dasar-dasar pentadbiran yang telah dilaksanakannya. Bab ini ditutup dengan peristiwa kekalahan Jerman pada Perang Dunia Kedua.

Bab ketiga berkisar tentang gerakan ke arah unifikasi semula Jerman pada era pasca Perang Dunia Kedua. Penekanan akan dibuat terhadap dua buah persidangan yang amat penting, iaitu Persidangan Yalta dan Persidangan Potsdam. Kedua-dua persidangan penting kerana ia menjadi batu asas kepada pembahagian wilayah Jerman kepada dua iaitu Jerman Timur dan Jerman Barat. Peristiwa-peristiwa yang berlaku di Jerman ketika era ini banyak mempengaruhi sejarah Jerman pada dekad-dekad berikutnya.

Bab ini juga turut mengetengahkan isu proses ke arah unifikasi semula Jerman yang akan melibatkan perjalanan politik Konrad Adenauer, Willy Brandt dan juga Helmut Kohl. Kesemua mereka ini adalah para pemimpin Jerman dari bahagian Barat. Pemimpin dari Jerman Timur turut mempunyai peranan dalam usaha penyatuan semula Jerman tetapi tidak begitu menonjol kerana Jerman Timur masih terikat kepada Kesatuan Soviet yang mengamalkan dasar tutup pintu kepada sebarang interaksi dengan negara kapitalis khususnya dalam isu berkaitan wilayah-wilayah Jerman.

Dalam bab yang keempat pula memperlihatkan tentang faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan usaha menyatukan semula kedua-dua wilayah Jerman. Penekanan diberikan kepada usaha-usaha penyatuan yang dilaksanakan dari aspek politik. Antaranya ialah dasar bijaksana para pimpinan Jerman seperti penggubalan *Basic Law*, pelaksanaan Ostpolitik oleh Willy Brandt dan juga Sepuluh Asas Pelan Penyatuan yang membuka jalan bagi unifikasi semula wilayah Jerman.

Bab ini turut akan membincangkan mengenai peranan pemimpin Kesatuan Soviet, Mikhail Gorbachev, yang merupakan kunci penting bagi usaha penyatuan semula Jerman. Kuasa-kuasa lain seperti Perancis, Britain dan Amerika Syarikat turut



memberikan kerjasama dalam menjayakan usaha ini seperti yang ditermetrai dalam Perjanjian Persefahaman Dua + Empat yang melibatkan keempat-empat kuasa yang menduduki zon pendudukan di Jerman serta kedua-dua wilayah Jerman itu sendiri.

Bab yang terakhir pula adalah kesimpulan bagi keseluruhan latihan ilmiah ini. Dalam bahagian ini, penulis menyimpulkan kejayaan proses penyatuan semula sehingga termetrainya Perjanjian Penyatuan yang merupakan langkah terakhir sebelum kedua-dua wilayah Jerman ini disatukan sepenuhnya. Penyatuan semula Jerman pada tahun 1990 telah menjawab persoalan Jerman (*German Question*) yang muncul sejak dari era kebangkitan Revolusi Perancis pada 1800-an. Buku ini turut di akhiri dengan lampiran-lampiran yang berkaitan bagi tujuan untuk menyokong hasil kajian ini.



RUJUKAN

Buku

- Abel, Theodore Fred. 1938. *Why Hitler Came Into Power : An Answer Based On The Original Life Stories Of Six Hundred Of His Followers*. New York : Prentice-Hall, Inc.
- Abrams, Lynn. 1996. *Bismarck And The German Empire, 1871-1918*. London : Routledge.
- Andrew, Christopher. 1996. *German World Policy & Reshaping of the Dual Alliance*. (versi digital). United Kingdom : Sage Publication Ltd.
- Aylett, J.F. 1984. *Hitler's Germany*, London : Edward Arnold (Publishers) Ltd.
- Bohme, Helmut. 1971. *The Foundation Of The German Empire : Select Documents*. Oxford : Oxford University Press.
- Carr, William. 1991. *The Origins of The Wars of German Unification*. London : Longman Inc.
- Cheles, Luciano, (et al.). 1995. *The Far Right In Western and Eastern Europe*. London : Longman Singapore (Pte.) Ltd.
- Childs, David. 1991. *Germany In The Twentieth Century*, London : B.T Batsford Ltd.
- Deutsch, Karl W. (et al.). 1973. *Germany Rejoins the Power : Mass Opinion, Interest Groups, and Elites in Contemporary German Foreign Policy*. New York : Octagons Books.
- Duiker, William J. 2007. *Twentieth-Century World History*. Belmont: Thomson Higher Education.
- Esler, Anthony. 1997. *The Western World: A Narrative History Prehistory to the Present*. New Jersey : Prentice-Hall, Inc.

- Evans, Graham (et al.). 1998. *Penguin Dictionary of International Relations*. London : Penguin Books.
- Evans, Richard J. 1997. *Rereading German History : From Unification to Reunification (1800-1996)*. London : Routledge.
- Eyck, Erich. 1980. *Bismarck And The German Empire*. London : George Allen & Unwin (Publishers) Ltd.
- Facts about Germany*, 2008. Berlin : Societäts-Verlag.
- Freund, Michael. 1972. *From Cold War to Ostpolitik : Germany And The New Europe*. London : Oswald Wolff (Publishers) Ltd.
- Geary, Dick. 1994. *Hitler And Nazism*. London : Routledge.
- Glaeßner, Gert-Joachim, (et al.). 1992. *The German Revolution of 1989 : Causes and Consequences*. Oxford : Berg Publishers Limited.
- Glaessner, Gert-Joachim. 1992. *The Unification Process In Germany : From Dictatorship to Democracy*. London : Pinters Publishers.
- Geiss, Imanuel. 1997. *The Question of German Unification (1806-1996)*. London : Routledge.
- Hidden, John. 1993. *Germany And Europe 1919-1939 (2nd Edition)*. London : Longman Publishing.
- Hildebrand, K. 1984. *The Third Reich*. London & Sydney : George Allen & Unwin.
- Hubatsch, Walther, (et al.). 1967. *The German Question*. New York : Herder Book Center.
- James, Harold (et al.). 1992. *When The Wall Came Down : Reactions To German Unification*, London : Routledge.



- McCauley, Martin. 1998. *Profiles In Power : Gorbachev*. New York : Addison Wesley Longman Inc.
- Mein Kampf (versi digital)*. 1939. London : Hurst and Blackett Ltd.
- Merkel, Peter H. 1974. *German Foreign Policies, West & East : On the Threshold of a New European Era*. California : American Bibliographical Center-Clio Press, Inc.
- Miller, Stuart T. 1997. *Modern European History*. New York : Palgrave Houndmills.
- Nicholls, A. J. 1992. *Weimar And The Rise Of Hitler (Third Edition)*. New York : St. Martin's Press, Inc.
- Peacock, Herbert L. (terj.). 1976. *Sejarah Eropah Moden*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qasim Ahmad. 2003. *Eropah Moden : Arus Sosiopolitik & Pemerintahan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Question on German History : Ideas, forces, decisions from 1800 to the present (4th Edition)*. 1992. Bonn : German Bundestag Publications' Section.
- Ramm, Agatha. 1999. *Europe in the Twentieth Century 1905 - 1970*. New York : Longman Inc.
- Rittberger, Volker. 2001. *German Foreign Policy Since Unification : Theories And Case Studies*. Manchester : Manchester University Press.
- Shirer, William L. 1960. *The Rise And Fall Of The Third Reich : A History Of Nazi Germany*. New York : Simon & Schuster, Inc.
- Waite, Robert G. L. 1969. *Hitler and Nazi Germany*. United States : Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Wan Abdul Rahman Latif (et al.). 2001. *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.



Welch, David. 1998. *Hitler*. London : University College London Press Ltd.

Wolffsohn, Michael, 1986. *West Germany's Foreign Policy in the Era of Brandt and Schmidt, 1969-1982 : An Introduction*, Frankfurt am Main : Verlag Peter Lang.

Laman Web

"Chancellor Kohl's role in reunification" dalam. <[www.ena.lu/Chancellor Kohl's role in reunification](http://www.ena.lu/Chancellor_Kohl's_role_in_reunification)>.

"German Political & Economic History (Chronology), 1945 - 1997" dalam. <<http://faculty.washington.edu/krumme/german/chronology.html>>.

"Internet Modern History Sourcebook : The Yalta Conference" dalam. <[www.wikipedia.com/Treaty of Versailles](http://www.wikipedia.com/Treaty_of_Versailles)>.

"North Atlantic Treaty Organization" dalam. <www.nato.int>.

"Ostpolitik and the CSCE" dalam. <<http://ostpolitik.net/ostpolitik/index.html>>.

"Ten Point Program for Overcoming the Division of Germany and Europe (Zehn-Punkte-Programm zur Überwindung der Teilung Deutschlands und Europas)" dalam. <[www.ena.lu/ten-point plan to overcome the division of Germany and Europe](http://www.ena.lu/ten-point_plan_to_overcome_the_division_of_Germany_and_Europe)>.

"The Federal Republic of Germany's Ostpolitik" dalam. <[www.ena.lu/The Federal Republic of Germany's Ostpolitik](http://www.ena.lu/The_Federal_Republic_of_Germany's_Ostpolitik)>.

"Treaty of Versailles" dalam. <[www.wikipedia.com/Treaty of Versailles](http://www.wikipedia.com/Treaty_of_Versailles)>.

"Truman Doctrine : President Harry S. Truman's Address Before A Joint Session Of Congress, March 12, 1947" dalam. <www.avalon.law.yale.edu/trudoc.asp>.

"Two-Plus-Four Treaty on Germany (September 12, 1990) Source of English translation: *Bundesgesetzblatt*" dalam. <http://germanhistorydocs.ghi-dc.org/docpage.cfm?docpage_id=104>.



"Unification Treaty (August 31, 1990)" dalam. <http://germanhistorydocs.ghi-dc.org/sub_document.cfm?document_id=78>.

Kamus

Hawkins, Joyce M. 2004. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar : Inggeris-Melayu-Inggeris (edisi ketiga)*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Artikel

Overhaus, Marco. 2005. *German Foreign Policy & the Shadow of the Past*. SAIS Review, **Vol. XXV, no.2**.

Seliger, Bernhard. 2003. Unified Germany's Security Policy : Some Lessons For Korea. (versi digital). The Korean Journal of Defense Analysis, **Vol. XV, No.1**.

Teschke, John P. 1999. "Hitler's Legacy" (versi digital). New York : Peter Lang Publishing. Crime, Law & Social Change. **31**: 165-169

W. Shawaluddin W. Hassan & Ramli Dollah. 2005. "Perpecahan Kesatuan Soviet: Tinjauan Tentang Punca Keruntuhan". Jurnal Sejarah. **Bil. 13**: 149-174.

Ensiklopedia

Negara dan Bangsa : Eropah. 1990. Jld. **5**. Jakarta : Grolier International Inc.

Worldmark Encyclopedia of the Nations : Europe. 2001. Jld. **5**. Amerika Syarikat : Gale Groups.

